



DOSM/DOSM.JOHOR/1.2022.SIRI 63

SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN PENEMUAN UTAMA BANCI MALAYSIA 2020 DAN PRESTASI EKONOMI NEGERI JOHOR 2021



Siri Jelajah Parlimen dan DUN Negeri Johor yang berlangsung pada **26 Julai 2022 (Selasa)** dimulakan dengan Kunjungan Hormat YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad, Kota Iskandar. Turut hadir bersama ialah En. Zainol bin Jamil, Pengarah DOSM Johor.

Semasa pertemuan itu, YBhg. Ketua Perangkawan Malaysia telah menyerahkan Analisis Penemuan Utama Banci Malaysia 2020, Negeri Johor.



Seterusnya, **Sesi Taklimat** Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dan Prestasi Ekonomi Negeri Johor 2021 telah diadakan bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar. Sesi ini telah dihadiri oleh 132 orang yang terdiri daripada Exco, Ahli Parlimen, Ahli DUN, Pegawai Daerah, Yang DiPertua PBT, Ketua Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta rakan media.



DOSM turut mempromosikan aplikasi terkini iaitu dashboard **KAWASANKU** dan **MYCENDASH** yang memaparkan statistik kependudukan dan indikator demografi serta sosioekonomi peringkat granular yang boleh menjadi nadi kepada perancangan lebih khusus dan spesifik mengikut bidang fokus di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Kedua-dua aplikasi baharu ini bertujuan untuk meluaskan penggunaan data dalam bentuk *machine-readable* format seperti yang terkandung dalam platform OpenDOSM.



SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN NEGERI JOHOR diakhiri dengan Kunjungan Hormat YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia keatas YAB Datuk Onn Hafiz Bin Ghazi, Menteri Besar Johor pada jam 12.30 tengah hari.

YBhg. Ketua Perangkawan Malaysia turut menyerahkan Analisis Penemuan Utama Banci Malaysia 2020, Negeri Johor dan Statistik Subnasional DUN Machap (N26).

Sesi Interaktif Bersama YB



YB Chew Chong Sin, ADUN Mengkibol

Soalan: Berdasarkan penerbitan, 15 juta bilangan penyertaan tenaga buruh daripada 32 juta bilangan penduduk di Malaysia. Berbanding negara lain, adakah kadar penyertaan tenaga buruh kini selari dengan pertambahan bilangan penduduk?

Jawapan: Kadar penyertaan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.2 mata peratus kepada 69.4 peratus daripada 69.2 peratus pada Mac 2022, menunjukkan lebih banyak penyertaan buruh dalam pasaran. Penduduk bekerja menunjukkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.5 peratus dan merekodkan 15.85 juta orang pada April berbanding 15.77 juta orang pada Mac. Peningkatan ini dilihat bahawa Malaysia masih ada ruang untuk meningkatkan bilangan tenaga buruh terutama di kalangan wanita. Malaysia kini ke arah perekutan pekerjaan yang lebih kondusif, dengan mewujudkan lebih banyak pusat jagaan kanak-kanak disekitar tempat kerja. Ini bagi membantu meningkatkan kadar penyertaan buruh di kalangan wanita di Malaysia.



YB Anuar Abd. Manap, ADUN Pemanis

Soalan: Merujuk kepada Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia yang telah diterbitkan, Johor mencatat indeks 6.69, bagaimanakah tahap kebahagiaan diukur dan ditentukan?

Jawapan:

YBhg. Ketua Perangkawan Malaysia menerangkan bahawa kategori statistik terbahagi kepada tiga. Sebagai contoh, Tier 1 adalah indikator ekonomi seperti KDNK, guna tenaga dan perdagangan antarabangsa. Garis panduan mengukur indikator tersebut mempunyai standard yang digunakan oleh negara anggota Bangsa-Bangsa Bersatu. Manakala Indeks Kebahagiaan yang berada di Tier 3, diukur berdasarkan amalan terbaik negara-negara maju.



YB Marina Ibrahim, ADUN Skudai

Soalan: Memohon pencerahan berkaitan pewartaan umur belia di Malaysia ?

Jawapan:

YBhg. Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa pewartaan umur bagi belia adalah berbeza mengikut negara. Statistik umur di Malaysia adalah dalam bentuk kumpulan, di mana ia boleh disusun mengikut keperluan jaringan yang diperlukan.

Sesi Penyerahan Analisis Penemuan Utama Banci Malaysia 2020, Negeri Johor dan Statistik Subnasional DUN



YB Mohd Hairi bin Mad Shah, ADUN Larkin
Exco Belia, Sukan, Pembangunan
Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia



YB Ling Tian Soon, ADUN Yong Peng
Exco Kesihatan dan Perpaduan



YB Lee Ting Han, ADUN Paloh
Exco Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna



YB Dato' Haji Salehuddin bin Haji
Hassan
Pegawai Kewangan Negeri

PETIKAN UCAPAN

“ Negeri Johor mencatatkan Indeks Kebahagiaan melebihi nasional ”



“ Data merupakan aset Negara dan perlu digunakan demi kesejahteraan rakyat ”

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin
Petikan dari Taklimat Penemuan Subnasional Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN),
Banci Penduduk & Perumahan Johor serta Prestasi Ekonomi Johor 2021

LIPUTAN MEDIA TERPILIH

Berita Harian: Orang muda wakili hampir separuh penduduk Johor

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/07/980536/orang-muda-wakili-hampir-separuh-penduduk-johor>

Harian Metro: Ekonomi Johor pada landasan pemulihan [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/07/865309/ekonomi-johor-pada-landasan-pemulihan-metrotv>

Malaysia Gazette: KDNK Johor naik 2.4% kepada RM131.1 bilion tahun lalu

<https://malaysiagazette.com/2022/07/26/kdnk-johor-naik-2-4-kepada-rm131-1-billion-tahun-lalu/>

Malay Mail: Johor's economy on track to recovery, says chief statistician

<https://www.malaymail.com/news/money/2022/07/26/johors-economy-on-track-to-recovery-says-chief-statistician/19444>

Head Topics: Census 2020: Over four million population in Johor, more males than females, says Statistics Dept chief

<https://headtopics.com/my/census-2020-over-four-million-population-in-johor-more-males-than-females-says-statistics-dept-ch-28437669>

Sebanyak 92 penerbitan diperingkat Daerah, Parlimen dan DUN Negeri Johor telah diedar kepada Ahli Parlimen dan DUN serta Pegawai Daerah

10

DAERAH

26

PARLIMEN

56

DUN



**SEKALUNG PENGHARGAAN KEPADA
SEMUA YANG TELAH TERLIBAT
MENJAYAKAN BANCI MALAYSIA 2020**